

(b) Sektor Pengurusan

Sektor ini adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan korporat termasuk sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan perkhidmatan, '*Information and Communications Technology*' (ICT), komunikasi, pembangunan kompetensi, pengurusan aset dan fasiliti, membangunkan sistem pengurusan projek serta memantau dan menyelaraskan projek-projek yang dilaksanakan oleh Cawangan, JKR Negeri, JKR Wilayah dan Unit Khas JKR seperti berikut:

- (i) Cawangan Pengurusan Korporat
- (ii) Cawangan Kejuruteraan Senggara
- (iii) Cawangan Pengurusan Projek Kompleks
- (iv) Semua JKR Negeri
- (v) Semua JKR Wilayah Persekutuan
- (vi) Unit JKR Kesedar

(c) Sektor Pakar

Sektor ini adalah bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepakaran iaitu menyediakan reka bentuk, memberi khidmat nasihat teknikal, pengurusan perolehan dan kontrak pembinaan serta mengurus dan memantau pelan-pelan alam sekitar melalui cawangan-cawangan pakar berikut:

- (i) Cawangan Arkitek
- (ii) Cawangan Kejuruteraan Elektrik
- (iii) Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik
- (iv) Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
- (v) Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan
- (vi) Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
- (vii) Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga

Carta Fungsi Struktur Organisasi JKR Malaysia ditunjukkan dalam Lampiran 2B.